

UM johan nasyid



Kangar: Kumpulan nasyid Fawwaz dari Universiti Malaya (UM) muncul juara Festival Nasyid Kemerdekaan Institusi Pengajian Tinggi Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), di sini, baru-baru ini.

Kumpulan yang membawakan lagu Pejuang dan Seru turut memenangi hadiah khas iaitu Lagu Terbaik dan Kumpulan Khas Juri Terbaik sekali gus membawa pulang Piala Pusingan Naib Canselor, piala iringan, wang tunai RM3,000 dan sijil penyertaan.

Tempat kedua dan ketiga pula masing-masing diraih kumpulan Da'My dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan kumpulan Nahwan Nur dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

Kedua-dua pasukan ini membawa pulang hadiah piala iringan, hamper dan wang tunai masing-masing bernilai RM1,500 dan RM1,000.

UPM turut dinobatkan sebagai pemenang persembahan terbaik manakala pakaian terbaik pula dimenangi Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI).

UniMAP lirik terbaik

Kategori lirik terbaik pula disandang pasukan tuan rumah, UniMAP.

Sebanyak 11 pasukan mengambil bahagian dalam festival anjuran UniMAP itu yang bertemakan Janji Dipateri,

FESTIVAL NASYID
SERAMPANG DUA
MATA PESERTA BUKAN
SAJA MENGALUNKAN
IRAMA NASYID
TETAPI TURUT
MEMPERTARUHKAN
LIRIK LAGU BERTEMA-
KAN KEMERDEKAAN"

Ummah Bestari.

Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah dan Alliance University College of Medical Science (AUCMS) juga mengambil bahagian.

Hadiah disampaikan oleh Naib Canselor UniMAP, Prof Datuk Dr Kamarudin Hussin.

Berucap pada majlis itu, Kamaruddin berkata, festival nasyid itu bertindak sebagai serampang dua mata apabila peserta bukan saja mengalunkan irama nasyid tetapi turut mempertaruh lirik lagu yang bertemakan kemerdekaan.

"Ini mampu menyuntik semangat patriotisme dalam kalangan mahasiswa," katanya.